



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**PENGANJURAN KONVENSYEN JABATAN PENGANGKUTAN
JALAN MALAYSIA 2018**

Konvensyen Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia 2018 merupakan satu konvensyen yang julung-julung kali diadakan sejak penubuhan JPJ. Seramai 300 orang warga JPJ pelbagai gred dan jawatan dari seluruh Malaysia telah berkampung dan hadir di Konvensyen ini. Konvensyen yang bertemakan “JPJ MEMACU TRANSFORMASI” ini adalah berobjektifkan:

1. Memperkasa elemen-elemen pendekatan penguatkuasaan yang berkaliber dalam memastikan kesejahteraan rakyat;
2. Memperkasa gerak kerja pengurusan penguatkuasaan secara kolektif dan proaktif;
3. Memperkasa integriti secara holistik dalam pengurusan penguatkuasaan JPJ di Malaysia.

Di samping itu, konvensyen ini mendapat sokongan dan kerjasama penuh tokoh dan pakar-pakar bidang yang dijemput khas. Seramai 9 orang ahli panel telah dijemput untuk mengupas dan memperhalusi isu-isu serta cabaran semasa seterusnya memandu JPJ untuk memacu kecemerlangan dalam mengukuhkan penyampaian perkhidmatan ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN50). Ahli panel terdiri daripada:

1. **YBhg Datuk Aisyah Ahmad, Presiden Malaysia Automative Association (MAA);**
2. **Prof. Ir. Dato' Mohamad Dalib, Pengarah Bahagian Kejuruteraan Automotif JPJ Malaysia;**
3. **YBrs. Pn. Salween Azila binti Ahmad Taufik – Pengurus Besar, Bahagian Wilayah Perak Selatan (PKNP);**
4. **YBhg. Dato' Simi Abdul Ghani – Pengarah Kanan Jabatan Siasatan SPRM;**
5. **YBhg. Dato' Muhammad Bukhari, Pengarah Bahagian Operasi SIAP**
6. **YBrs. En. Kamal Affendi Hashim, Penganalisis Jenayah**
7. **YBhg. Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah, Timbalan Naib Canselor Akademik USM**
8. **YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Mohd Idrus Hj. Mohd Masirin, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (SDRC)**
9. **YBhg. Dato' Akhbar Satar, Presiden Transparency International Malaysia (TIM)**

Ahli-ahli panel ini juga telah dipecah dan ditugaskan mengikut isu serta kepakaran masing-masing. Terdapat 3 tajuk utama yang dikupas dan dibincangkan iaitu terdiri daripada;

TAJUK 1: TEKNOLOGI AUTOMATIF MASA HADAPAN DAN KENDERAAN TANPA PEMANDU: ISU DAN CABARAN PENGAWALSELIAAN

TAJUK 2: CABARAN PENGUATKUASAAN DALAM MEREALISASIKAN TN50

TAJUK 3: PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN JALAN RAYA: SATU PENILAIAN DAN HALA TUJU KE ARAH TN50

Hasil daripada resolusi yang dibentangkan pada konvensyen ini, satu pelan tindakan pelaksanaan resolusi akan diwujudkan bagi memastikan kesinambungan dan keberkesanan konvensyen ini. Seajar dengan penjenamaan semula JPJ, konvensyen pada kali ini merupakan *kick off* dan akan dianjurkan setiap tahun pada minggu terakhir bulan April sebagai acara kemuncak Sambutan Hari JPJ Malaysia.

**Ibu Pejabat,
Jabatan Pengangkutan Jalan
Malaysia.**

-TAMAT-